



**iForest**

**PANDUAN PENGGUNA SISTEM  
PERMOHONAN PERMIT KEMASUKAN  
HUTAN SIMPAN KEKAL**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**SEKSYEN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN  
SISTEM BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN  
KOMUNIKASI NEGERI KEDAH ARAS 2, BLOK E ,  
05503 ALOR SETAR KEDAH DARUL AMAN**

**DIKEMASKINI: 23 FEBRUARI 2021**

## KANDUNGAN

1.0	PERMOHONAN BARU.....	1-5
-----	----------------------	-----

## 1.0 PERMOHONAN BARU

a) Pengguna boleh membuat permohonan baru melalui :

**Url iForest** iaitu <https://iforest.kedah.gov.my>

b) Pada laman utama iForest, klik pada pautan **Permohonan Baru**.



Rajah 1.1 : Laman Utama iForest

c) Sistem akan memaparkan skrin **Permohonan Baru**. Lengkapkan semua maklumat di **Bahagian A** dan **Bahagian B** kemudian klik butang **Hantar** seperti rajah di bawah :

[Bahagian A: Maklumat Pemohon]	
Kategori Pemohon	: Berkumpulan
Nama Individu/ Syarikat/Berkumpulan	: ROSLIN BIN ISMAIL
Alamat Pemohon	: No. 12, Lorong Meranti, Taman <u>Angsana</u> , 09000 Kulim, Kedah
No. Telefon Pemohon	: 019-2223434
Emel Pemohon	: nursyakirah.pbimm@gmail.com
Warganegara?	: Ya
No. KP /No. Pasport/No. Daftar Pendaftaran	: 781 201075223
Individu Yang Boleh Dihubungi	: SUHAILA BINTI ROSLI
No Telefon Bimbit	: 0125647887

[Bahagian B: Maklumat Permohonan]	
Lokasi	: Gunung Jerai
Maksud/Tujuan	: <input type="radio"/> Rekreasi <input checked="" type="radio"/> Mendaki
Tarikh Masuk contoh : 22/08/2020	: 04/03/2021
Tarikh Hingga contoh : 22/08/2020	: 04/03/2021
bilangan hari	: 1

Rajah 1.2 (a) : Skrin Permohonan Baru

- d) Skrin di bawah hanya akan dipaparkan sekiranya pemohon memilih kategori **Berkumpulan** atau **Syarikat** sahaja (**Rujuk Bahagian A - Kategori Pemohon**) seperti rajah **1.2 (a)**. Pemohon boleh masukkan nama peserta lebih daripada 10 orang dengan mengklik pada butang **Add Record**. Seterusnya, klik butang **Hantar** setelah semua maklumat diisi.


**Rajah 1.2 (b) : Skrin Permohonan Baru**

- e) Setelah klik butang **Hantar**, sistem akan memaparkan skrin **Syarat-syarat**. Pastikan pemohon baca syarat-syarat tersebut dengan teliti sebelum tandakan '✓' ya dan pilih **Kaunter** pada bahagian **Kaunter Bayar**. Klik butang **Bayar**.

**Rajah 1.3 : Skrin Syarat-syarat**

- f) Sistem akan memaparkan pop-up seperti di bawah. Klik **OK**.

- g) Setelah klik **OK**, sistem akan memaparkan skrin cetak **QR code** seperti di bawah. Pemohon juga akan menerima QR code yang sama di emel yang telah didaftarkan (rujuk **rajah 1.2 (a)** ).



**Rajah 1.4 (a) : Skrin cetak QR Code iForest**

- h) Pemohon boleh memilih untuk **mencetak QR Code** atau menunjukkan **QR Code** tersebut kepada kerani kaunter melalui telefon bimbit sahaja bagi tujuan pembayaran di kaunter.



**Rajah 1.4 (b) : Cetak QR Code iForest**